

17 AUG 2002

Abdullah-Bahasa

ABDULLAH BERI AMARAN JANGAN POLITIKKAN ISU BAHASA INGGERIS

PULAU PINANG, 17 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini memberi amaran kepada pihak-pihak yang menentang pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris supaya tidak mempolitikkan perkara itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau bimbang akan muncul golongan atau individu tertentu yang cuba menimbulkan perkara yang tidak baik kerana isu ini sebenarnya isu emosional.

Menurut beliau, ia boleh disalahguna oleh mereka yang cuba menimbulkan ketegangan dan kebencian dengan membuat kenyataan-kenyataan yang menghasut. Ini tidak boleh dibenarkan.

"Jangan gunakan isu ini untuk menghasut perasaan mana-mana satu kaum atau mana-mana satu kumpulan," tegasnya.

Abdullah mengulas rancangan pakatan parti-parti pembangkang yang bercadang menggerakkan kempen bantahan raksasa di seluruh negara jika kerajaan terus bertegas melaksanakan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik di semua sekolah mulai tahun depan.

Abdullah berkata demikian selepas merasmikan Forum Keluarga Bahagia Nadi Kesejahteraan Negara di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini anjuran Yayasan Budi Penyayang Malaysia (Penyayang).

Yang turut hadir ialah isterinya, Datin Seri Endon Mahmood yang juga Pengerusi Penyayang dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri turut memberi amaran kepada pihak-pihak terbabit supaya tidak menimbulkan andaian yang bukan-bukan seperti menuduh kerajaan berniat menghapuskan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil.

"Jangan pula ada yang kata ini adalah langkah yang akan membawa kepada penghapusan sekolah-sekolah jenis kebangsaan....itu sekali-kali tidak betul," katanya.

Kalau mereka mahu terus dengan cakap macam ini, dengan hanya (niat) menimbulkan penentangan kaum mereka dan dengan itu mungkin berlaku ketegangan, mereka melakukan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan, katanya.

"Saya harap tidak jadi tindakan-tindakan seperti demonstrasi tentang perkara ini," katanya.

Beliau berkata kerajaan akan mendengar apa-apa pandangan yang mahu disampaikan oleh kumpulan-kumpulan yang masih tidak puas hati.

Abdullah berkata, beliau percaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang amat memahami situasi masyarakat negara ini akan dapat memikirkan cara yang terbaik, supaya dalam melaksanakan dasar ini, tidak timbul keresahan dan sebagainya.

Beliau mengakui ini bukan satu isu yang mudah diselesaikan.

Mengenai kegagalan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) mencapai kata sepakat mengenai pendirian mereka akan dasar itu, Abdullah berkata, beliau berharap parti-parti komponen BN itu akan menyokong dasar kerajaan.

Menurut Abdullah, beliau percaya mereka akan berjumpa Perdana Menteri kerana dalam mesyuarat Kabinet sebelum ini, Perdana Menteri telah menyatakan pentingnya parti-parti komponen BN membuat pendirian mengenai perkara ini.

Mengenai masalah penuntut-penuntut universiti yang kurang bergaul dengan rakan dari kaum lain, beliau berharap diusahakan kesempatan untuk membolehkan mereka berinteraksi dengan pelbagai kaum.

Ini boleh dilakukan melalui pelbagai program di universiti seperti

program sukan atau kebudayaan atau yang berbentuk akademik, katanya.

"Kita mahu anak-anak muda kita yang telah keluar dari universiti akan menjadi selesa untuk memulakan kehidupan mereka dalam suasana negara yang mempunyai pelbagai kaum ini," katanya.

Menurut beliau, mereka boleh membiasakan diri dari awal untuk berinteraksi tanpa mengira agama atau keturunan untuk mengekalkan persefahaman dan perpaduan.

Sementara itu, Abdullah turut meminta masyarakat supaya berusaha mewujudkan lebih banyak persatuan penyayang bagi membantu membina satu masyarakat penyayang di negara ini.

Masyarakat penyayang akan membantu mewujudkan keluarga bahagia yang seterusnya mewujudkan satu masyarakat bahagia, katanya.

-- BERNAMA

AHM AHM MOZ